

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

**PEPERIKSAAN AKHIR
SESI I : 2024/2025**

DTF50173: FOOD LAW AND REGULATIONS

**TARIKH : 5 DISEMBER 2024
MASA : 2.30 PETANG – 4.30 PETANG (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan struktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

CLO 1

- (a) The Federal Constitution is the supreme law of the land, and any law that is inconsistent with the constitution is void. Discuss **FIVE (5)** ways in which the law functions within society.

*Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara, dan mana-mana undang-undang yang tidak selaras dengan perlembagaan adalah terbatal. Bincangkan **LIMA (5)** cara undang-undang berfungsi dalam masyarakat.*

[5 marks]
[5 markah]

Customers who come across dirty eateries must not hesitate to come forward and lodge complaints. With many new contagious diseases and viruses emerging, everyone must acknowledge the importance of hygiene. Health authorities too need to be more proactive. They need to conduct regular and surprise checks at all food premises.

Pelanggan yang menjumpai tempat makan kotor tidak boleh teragak-agak untuk tampil ke hadapan dan mengemukakan aduan. Dengan banyak penyakit berjangkit dan virus baru muncul, setiap orang mesti menyedari pentingnya kebersihan. Pihak berkuasa kesihatan juga perlu lebih proaktif. Mereka perlu melakukan pemeriksaan berkala dan mengejutkan di semua premis makanan.

TAN SRI LEE LAM THYE
Chairman, Alliance for Safe Community
5 March 2020

CLO 1

- (b) Based on the article above, provide **FIVE (5)** powers of authorized officers by referring to Section 4 of the Food Act 1983.

*Berdasarkan artikel di atas, berikan **LIMA (5)** kuasa pegawai penguatkuasa berdasarkan Seksyen 4 Akta Makanan 1983.*

[10 marks]
[10 markah]

CLO 1

- (c) Section 13B of the Food Act 1983 explicitly states that the law prohibits the preparation or sale of any adulterated food. Write **FIVE (5)** types of adulterated food based on the Act.

*Seksyen 13B Akta Makanan 1983 secara nyata menyebutkan bahawa undang-undang melarang penyediaan atau penjualan makanan yang dicemari. Tuliskan **LIMA (5)** jenis makanan tercemar menurut Akta tersebut.*

[10 marks]

[10
markah]

QUESTION 2 *SOALAN 2*

CLO1

- (a) Explain in sequence **FOUR (4)** elements of negligence needed to establish a case.

*Terangkan dalam urutan **EMPAT (4)** unsur-unsur kecuaian yang diperlukan bagi mewujudkan kes.*

[5 marks]

[5 markah]

Sarah is the founder of "FreshTaste Foods," a small food manufacturing firm. One day, Sarah gathered her team for a meeting to discuss the importance of following food labelling regulations. She emphasized that this was not just about legal compliance, it was about providing transparency and essential information to their customers.

Sarah adalah pengasas "FreshTaste Foods," sebuah firma pembuatan makanan kecil. Suatu hari, Sarah mengumpulkan pasukannya untuk mesyuarat bagi membincangkan kepentingan mengikuti peraturan perlabelan makanan. Beliau menekankan bahawa hal ini bukan hanya tentang pematuhan undang-undang, tetapi juga tentang menyediakan kejelasan dan maklumat penting kepada pelanggan mereka.

CLO 1

- (b) Based on the above situation, provide **FIVE (5)** particulars that must be stated in food labelling according to Food Act 1983 with an appropriate explanation.

*Berdasarkan situasi di atas, berikan **LIMA (5)** maklumat yang mesti dinyatakan dalam perlabelan makanan berdasarkan Akta Makanan 1983 dengan huriaian yang bersesuaian.*

[10 marks]
[10 markah]

- CLO 1 (c) The Food Act 1983 aims to safeguard the public from health risks and fraudulent activities involving the preparation, sale, and consumption of food, along with related matters. Write **FIVE (5)** importance of Food Act 1983.

*Akta Makanan 1983 bertujuan untuk melindungi orang awam daripada risiko kesihatan dan aktiviti penipuan yang melibatkan penyediaan, penjualan, dan penggunaan makanan, berserta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Tuliskan **LIMA (5)** kepentingan Akta Makanan 1983.*

[10 marks]
[10 markah]

QUESTION 3

SOALAN 3

“Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) is a government agency responsible for Halal certification at the federal level. They issue Halal certificates for products and services in Malaysia. Businesses often seek JAKIM certification as it is widely recognized both locally and internationally”.

“Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk pensijilan Halal di peringkat persekutuan. Mereka mengeluarkan sijil Halal untuk produk dan perkhidmatan di Malaysia. Banyak perniagaan sering mendapatkan pensijilan JAKIM kerana diiktiraf secara meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa”.

- CLO 2 (a) According to the statement above, write **FIVE (5)** processes of legal act in Halal compliance with their explanations.
*Menurut kenyataan di atas, tuliskan **LIMA (5)** proses pematuhan undang-undang dalam pematuhan Halal berserta dengan penerangan.*

[10 marks]
[10 markah]

Food additives are substances added to food to improve its quality, shelf life, texture, or appearance. Despite concerns about their overuse, they provide several benefits when used appropriately.

Bahan aditif makanan ialah bahan yang ditambah ke dalam makanan untuk meningkatkan kualiti, jangka hayat, tekstur, atau rupa makanan. Walaupun terdapat kebimbangan tentang penggunaannya secara berlebihan, bahan aditif ini memberikan beberapa manfaat apabila digunakan dengan betul.

CLO 2

- (b) Classify **FIVE (5)** types of food additives by providing appropriate explanation and example for each of the types given.
*Klasifikasikan **LIMA (5)** jenis bahan aditif makanan beserta penerangan dan contoh bagi setiap jenis yang diberikan.*

[15 marks]
[15 markah]

QUESTION 4
SOALAN 4



CLO 2

- (a) Based on the above picture, determine **FIVE (5)** issues on consumer perception on Halal Trends in the foodservice industry.
*Berdasarkan gambar di atas, kenal pasti **LIMA (5)** isu persepsi pengguna terhadap Trend Halal dalam industri perkhidmatan makanan.*

[5 marks]
[5 markah]

CLO2

- (b) Analyze **FOUR (4)** effects of Halal certification in enhancing the competitiveness of restaurants or food businesses in local and international markets.

*Analisakan **EMPAT (4)** kesan penggunaan pensijilan Halal dalam membantu meningkatkan daya saing restoran atau perniagaan makanan di pasaran tempatan dan antarabangsa.*

[8 marks]
[8 markah]

On 1st April 2019, the Mufti, after having discussed with the Islamic Legal Consultative Committee pursuant to subsection 37(5) of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 the Act, issues the fatwa that zakat is permissible to be paid online and the payment is valid according to Islamic law.

Pada 1hb April 2019, Mufti, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 37(5) Akta, membuat fatwa hukum pembayaran zakat secara dalam talian adalah harus dan pembayaran tersebut adalah sah menurut hukum Syarak.

CLO 2

- (c) i. Based on the statement above, determine **THREE (3) rukun fatwa** in Malaysia.

*Berdasarkan pernyataan di atas, tentukan **TIGA (3) rukun fatwa** di Malaysia.*

[6 marks]
[6 markah]

CLO2

- ii. In Malaysia, fatwas are primarily derived from sources including the al-Quran, as-Sunnah, Ijma' and Qiyas. Differentiate **THREE (3)** sources of *fatwa*.

*Di Malaysia, fatwa terutamanya diperoleh daripada sumber-sumber termasuk al-Quran, as-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Bezakan **TIGA (3)** sumber fatwa.*

[6 marks]
[6 markah]

SOALAN TAMAT